

SCHOOL OF LEADERSHIP

TOPIK: SEKOLAH DI JALAN DAKWAH

Bismillah walhamdulillah. Insha Allah saya teruskan lagi perbincangan pokok dalam bedah buku SCHOOL OF LEADERSHIP karangan Solikhin Abu Izzuddin. Dan kali ini saya akan membincangkan tentang satu topik iaitu SEKOLAH DI JALAN DAKWAH.

Saya mulakan dengan sepotong kata-kata dari Umar bin Abdul Aziz;
 “Malam dan siang, keduanya bekerja untuk kamu, maka bekerjalah kamu dalam masa keduanya”

Maka, bekerjalah dan jangan sia-siakan masa yang datang padamu kerana Rasulullah bersabda:
 “ Tidaklah seorang muslim menanam suatu tanaman atau bercucuk tanam kemudian (hasilnya) dimakan oleh burung, manusia atau haiwan, melainkan bernilai sedekah baginya (mutafaq alaih).” Sekarang kita menanam supaya kemudian kita boleh petik hasilnya. Dan alangkah seronoknya jika kita memperoleh hasil-hasil yang menguntungkan di akhirat nanti melalui tanaman-tanaman amal yang soleh di dunia.

URGENSI BAGI SETIAP MUSLIM

Tarbiyah dzatiah (tarbiyah diri) merupakan inti penting dalam buku SCHOOL OF LEADERSHIP . Ini kerana ketika dakwah ini dirintangi dengan pelbagai jenis dugaan, cabaran, konspirasi serta penyelewengan yang menghimpit jiwa para pendukung kebaikan tarbiyah dzatiah lah yang menjaga imuniti kader dakwah. Pengawasan diri sebagai kunci seta kejujuran menjadi inti keimanan.

Ishadu bi anna muslimuun (saksikanlah bahawa aku seorang muslim). Benarkah? Kita harus berani bersaksidan juga harus bertanggungjawab terhadap kemusliman kita? Dan untuk mewujudkan tanggungjawab itulah, kita perlu memantapkan tarbiyah dzatiah dalam diri individu muslim.

Kenapa perlu tarbiyah dzatiah? Menurut Abdullah bin Abdul Aziz Aidan tarbiyah dzatiah penting kerana,

1. Menjaga diri harus dilakukan sebelum menjaga orang lain. (at athrim: 6)
2. Kalau kita tidak mentarbiyah diri sendiri, siapa lagi yang akan mentarbiyah diri anda?
3. Kerana hisab Allah di akhirat kelak bersifat personal. (Maryam: 59)
4. Apabila tarbiyah dzatiah kuat, ia lebih mampu membawa arus perubahan.
5. Tarbiyah dzatiah adalah sarana tegar dan istiqomah.
6. Tarbiyah dzatiah adalah sarana dakwah yang paling kuat dengan keteladanannya.
7. Tarbiyah dzatiah adalah cara benar yang memperbaiki realiti yang ada.
8. Tarbiyah dzatiah lebih khusus dan aplikatif.

TARBIYAH DZATIYAH DALAM DAKWAH

1. Menyiapkan peribadi muslim
 - Tarbiyah dzatiah adalah sebenar-benar sekolah untuk menyiapkan setiap muslim dalam melaksanakan syariat islam dan mampu memikul beban dakwah
2. Membumikan ajaran islam
 - Tarbiyah dzatiah membolehkan kita mengenal Islam dan menerapkannya dalam realiti kehidupan seharian.
3. Menyiapkan keluarga muslim

- Tarbiyah dzatiah menjauhkan kader dakwah dari bercinta sebelum nikah, proses taaruf dan khitbah sehinggalah ke walimah dilakukan secara syar'i, menerapkan islam dalam institusi keluarga hingga melahirkan rijal dakwah dan generasi robbani.
- 4. Menyiapkan masyarakat muslim
 - Kader dakwah yang telah membentuk keluarga muslim merupakan batu- bata terbangunnya sebuah masyarakat islami yang tunduk dan patuh akan perintah Allah dan melaksanakan syariat Allah dan rasulNya.
- 5. Tegar dalam berdakwah
 - Apabila berada dalam jalan dakwah kader –kadernya akan menghadapi pelbagai cabaran dan onak duri. Kerana Tarbiyah dzatiah , ia boleh memberi persiapan fizikal, mental, rohani, fikiran, ilmu yang utuh bagi menghadapi serta melawan kezaliman.
- 6. Mandiri dan istiqamah
 - Ujian merupakan madrasah untuk melahirkan generasi islam yang merdeka, mandiri dan istiqomah. Ia haruslah diharungi dengan cermat berbekalkan Tarbiyah dzatiah .
- 7. Keberlangsungan dalam gerabak dakwah
 - Sesungguhnya kitalah yang memerlukan dakwah dan bukan dakwah memerlukan kita. Maka kita perlu berusaha untuk bersama sama dengan dakwah. Tarbiyah dzatiah adalah cara untuk kita menolong diri sendiri dan menolong agama Allah (Muhammad :7)

Dan itulah sekolah bagi kader dakwah, tarbiyah dzatiah. semoga kita sama-sama berusaha mentarbiyah diri kita dan mempersiapkan diri menjadi kader-kader dakwah yang berwibawa membawa syiar islam ke seluruh pelosok muka bumi. Kerana sesungguhnya islam itu, rahmatan lil a' lamin. Sekian